

PRAKATA

YB Menteri Pengajian Tinggi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Saya berasa bersyukur di atas penerbitan **Buku Garis Panduan Penulisan Program Akademik** ini yang terhasil daripada komitmen banyak pihak bagi mencerminkan usaha ke arah merealisasikan hasrat Negara untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi menjelang tahun 2020.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa komited dalam usaha untuk membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa.

Selaras dengan Model Baharu Ekonomi dan usaha Kerajaan mentransformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi telah diberikan peranan oleh Kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berkualiti bagi memacu pertumbuhan ekonomi Negara agar cita-cita untuk menjadi Negara maju menjelang 2020 tercapai.

Kerajaan sedar bahawa peranan Kementerian Pengajian Tinggi adalah amat penting kerana sumber modal insan perlu diberikan perhatian yang lebih serius berbanding sumber Negara yang lain yang akhirnya akan berkurang melalui peredaran masa.

Justeru, IPT perlu mengguna pakai pendekatan yang terbaik untuk membangunkan program akademik yang berkualiti tinggi dan menyediakan prasarana yang terbaik setanding dengan negara maju di dunia. Ini adalah penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif serta diiktiraf di peringkat antarabangsa di samping melahirkan modal insan yang berdaya saing di dalam era globalisasi ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit menghasilkan **Buku Garis Panduan Pengurusan Pembangunan Akademik** ini. Saya percaya **Buku Garis Panduan Pengurusan Pembangunan Akademik** ini akan menjadi panduan dan rujukan yang penting dan berguna dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

Sekian, wassalam.

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PENGAJIAN TINGGI